

12 Januari 2006

Pemangku Pendaftar  
Ketua Pustakawan  
Pengarah Pembangunan & Pengurusan Hartabina  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan  
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal  
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi  
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Multimedia  
Pengarah Pusat Penyelidikan, Perundingan & Pengajian Berterusan  
Pengarah Pejabat Perhubungan Korporat & Antarabangsa  
Ketua Pusat Pengajian Sains  
Ketua Pusat Pengajian Kemanusiaan & Komunikasi  
Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti & Perancangan Korporat  
Pengurus Pusat Teknologi Maklumat  
Pengetua Desa Siswa Pangsapuri  
Pengetua Desa Siswa Taman Melewar  
Pengetua Desa Siswa Dalam Kampus  
Pengetua Desa Siswa Tanpa Asrama  
Ketua Pusat Pengajaran & Pembelajaran  
Ketua Pusat Kokurikulum, Sukan & Kebudayaan  
Ketua Pusat Kaunseling & Pembangunan Pelajar  
Ketua Penerbit  
Ketua Pusat Islam  
Ketua Pusat Kesihatan Universiti  
Timbalan Pendaftar ( Pejabat Canselor)  
Timbalan Pendaftar ( Pejabat Pengurusan Akademik)  
Timbalan Pendaftar ( Pejabat Hal-Ehwal Pelajar)  
Ketua Pusat Keserasian Elektromagnet (EMC)  
Ketua Pusat Pemindahan Teknologi (TTC)  
Ketua Pusat Kajian Alam Sekitar, Pembinaan dan Pengangkutan (CECTUS)  
Ketua Pusat Latihan Teknologi Tekstil Termaju (ADTEC)  
Ketua Pusat Techno Ushawan(TEC)  
Ketua Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS)  
Ketua Pusat kecemerlangan Pengurusan Fasiliti (CEFM)  
Ketua Pusat Wayarles dan Sains Radio (WARAS)  
Ketua Pusat Pendidikan Teknik & Vokasional Termaju (ACTiVE)  
Ketua Unit Audit Dalaman

*Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*

Y. Bhg. Prof/ Tuan/ puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2006(BEN-PKL(01/2006)D – PERATURAN  
MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI  
KEPADА PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini disertakan Pekeliling Bendahari Bil. 1/2006 (BEN-PKL(01/2006)D untuk makluman, rujukan dan panduan Y. Bhg. Prof/ Tuan/Puan serta dipanjangkan kepada semua staf di Fakulti/Bahagian/Jabatan/Unit masing-masing.

3. Pekeliling ini juga boleh didapati dilaman web pejabat ini  
<http://www.kuittho.edu.my/pb>

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar

**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

■4536007

- s.k. : Y. Bhg. Rektor  
      : Y. Bhg. Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
      : Y. Bhg. Timbalan Rektor ( Akademik & Pengantarabangsaan)

**PEJABAT BENDAHARI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUITTHO.PB10.12/04JLDII(07)

Tarikh: 12 Januari 2006

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2006**

Semua Pengurus Bahagian  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof./Tuan /Puan

**PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT  
BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN  
FASILITATOR SAMBILAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan dan kadar baru mengenai bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan seperti mana Pekelliling Perbendaharaan Bil. 2/2005.

**1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 18/2005 yang bersidang pada 24 November 2005 bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil 2/2005 – Peraturan Mengenai Kadar-kadar dan Syarat-syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan.
- 1.2 Umumnya Universiti telah menerima pakai pekeliling-pekeliling kerajaan berhubung dengan peraturan tertentu yang melibatkan kewangan.
- 1.3 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995 dan Surat Pekeliling Perbendahraan Bil. 1 Tahun 1996 adalah peraturan atau pekeliling yang diterima pakai pada ketika ini berkaitan kadar-kadar dan syarat-syarat bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan. (Tidak terpakai untuk kursus-kursus atau program pembangunan staf akademik seperti dinyatakan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 2/2005 –

- Pembayaran Honorarium Kepada Staf Universiti sebagai Penceramah Program/Kursus Pembangunan Profesionalisme Staf Akademik.
- 1.4 Peraturan baru ini bertujuan bagi mengalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
  - 1.5 Sebagai menghargai tugas yang telah dilaksanakan, bayaran mengikut kadar tertentu diberikan kepada pegawai yang terlibat.

## 2.0 PELAKSANAAN

- 2.1 Bayaran saguhati ini diberikan kepada pegawai dari perkhidmatan kerajaan yang terlibat secara langsung sebagai pensyarah/penceramah atau fasilitator sambilan dalam program-program yang dianjurkan oleh PTJ mahupun Universiti .
- 2.2 Pegawai perkhidmatan kerajaan termasuklah pegawai dari Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan/Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2.3 Tidak terpakai untuk kursus-kursus atau program pembangunan staf akademik seperti dinyatakan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 2/2005 – Pembayaran Honorarium Kepada Staf Universiti sebagai Penceramah Program/Kursus Pembangunan Profesionalisme Staf Akademik.
- 2.4 Kadar-kadar dan Syarat-syarat bayaran saguhati adalah seperti yang dinyatakan di Pekeliling Perbendaharaan Bil 2/2005 seperti di Lampiran.

## KUATKUASA PEKELILING


Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh kelulusan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 18/2005 yang bersidang pada 24 November 2005.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian tuan.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar




**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

**Bendahari**

 6007

- |     |   |                                    |
|-----|---|------------------------------------|
| s.k | - | Y. Bhg. Rektor                     |
|     | - | Y. Bhg. Timbalan Rektor (HEP)      |
|     | - | Y. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik) |
|     | - | Pemangku Pendaftar                 |
|     | - | Ketua Unit Audit Dalam             |



**KERAJAAN MALAYSIA**

**PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2005**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT  
BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN  
FASILITATOR SAMBILAN**

Tujuan Pekeling ini adalah untuk memaklumkan peraturan dan kadar baru mengenai bayaran saguhati kepada pegawai Kerajaan yang memberi syarahan/ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator sambilan dalam kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan. Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

2. Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

3. Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
  - (ii) memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
  - (iii) pegawai dari unit/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/institusi/maktab/sekolah yang sama;
  - (iv) urusetia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini;
  - (v) bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh pengajur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan
  - (vi) pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati di bawah Pekeliling ini.

4. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 1996 adalah dibatalkan.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan/Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 September 2005.

Sekian, Terima Kasih

#### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Izzuddin Bin Dali)  
Ketua Setiausaha Perbendaharan  
16 Ogos 2005

s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Akhiran Negara Malaysia  
Ketua Audit Negara